



**IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI MELAKA
JALAN TUN HAMZAH, BUKIT KATIL,
75450 HANG TUAH JAYA,
MELAKA**

KENYATAAN TAWARAN

No Sebutharga : **SH/JBPMM/UPA/03/2024**

TAWARAN SEBUTHARGA BAGI PENYEWAAN DAN PENGURUSAN RUANG KAFETARIA DI BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT AYER KEROH, MELAKA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada Syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini:

Bil	Jenis Tawaran	Keluasan	Tempoh Penyewaan
1.	Penyewaan Dan Pengurusan Ruang Kafetaria Di Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Keroh, Melaka Bermula 1 Februari 2025 hingga 31 Januari 2028.	73.81 mp	3 Tahun

2. Penyebut harga yang dipelawa hendaklah terdiri daripada Syarikat yang Bertaraf Bumiputera, berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan masih sah tempohnya di bawah Kod Bidang 040103 (Makanan Berмасak Islam).
3. Penyebut harga hendaklah mengemukakan dokumen sepertimana dinyatakan dalam Senarai Semak Borang Permohonan Sewaan Kafetaria.
4. Penyebut harga adalah dinasihatkan untuk membuat lawatan tapak terlebih dahulu.
5. Borang-borang tawaran dan butir-butir lanjut boleh didapati di alamat berikut:

Cawangan Pentadbiran

**Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
Jalan Tun Hamzah, Bukit Katil
75450 Hang Tuah Jaya
Melaka.**

Pegawai yang boleh dihubungi : Encik Nazir bin Muhd Nor (06-2513100 samb 525)

6. Penyebut Harga hendaklah bersetuju dengan **Skop Kerja dan Peraturan Am Menyewa dan Menguruskan Kafetaria** seperti di Lampiran A.
7. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dengan saiz 12½ x 9 inci dan ditanda dengan No. Sebutharga **SH/JBPMM/UPA/03/2024** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat di para 4.
8. Tarikh tutup Sebut Harga adalah pada **6 Disember 2024 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari**. Sebut Harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(**PPJB MOHD PISAR BIN AZIZ**)

Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Melaka

Tarikh : 21/11/2024

Cap :





**SENARAI SEMAK BORANG PERMOHONAN PENYEWAAN DAN PENGURUSAN
KAFETARIA DI BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT AYER KEROH, MELAKA**

Nama Syarikat : _____

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN			
Bil	Perkara	Tandakan √ (jika ada) X (jika tiada)	Catatan
1.	Salinan kad Pengenalan semua pemilik Syarikat		
2.	Salinan Pendaftaran Syarikat		
3.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat daripada Kementerian Kewangan yang Mempunyai Kod Bidang 040103 (Makanan Bermasak Islam) dan masih dalam tempoh sah laku (Jika ada)		
4.	Salinan Penyata Akaun Bank bagi 3 bulan terakhir (Ogos, September, Oktober 2024)		
5.	Borang 1 – Lampiran A hingga D		
6.	Sampul surat kosong bersaiz 9 x 6 ½ inci beralamat sendiri dan dilekatkan setem RM1.50		

**SKOP KERJA DAN PERATURAN AM
PENYEWaan DAN PENGURUSAN KAFETARIA
DI BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT AYER KEROH, MELAKA**

1.0 TEMPOH PERJANJIAN

- 1.1 Penyewaan dan pengurusan kafetaria di Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Keroh, Melaka adalah bagi tempoh 3 (tiga) tahun bermula 1 Februari 2025 hingga 31 Januari 2027.

2.0 SEWA BULANAN

- 2.1 Dalam tempoh perjanjian ini penyewa Kafetaria hendaklah membayar sewaan bulanan seperti mana nilai sewaan yang ditawarkan kepada pihak Kerajaan sebelum 07hb pada setiap bulan.
- 2.2 Penyewa hendaklah menyerahkan wang deposit 3 (tiga) bulan sewaan mengikut nilai yang ditawarkan oleh penyewa di dalam kontrak. Wang deposit ini mestilah disertakan bersama Surat Setuju Terima Tawaran dalam bentuk bank draf/cek/wang pos dan dibayar atas nama Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka.

3.0 WAKTU OPERASI

- 3.1 Waktu operasi Kafetaria hendaklah bermula jam 6.00 pagi hingga 11.00 malam pada setiap hari.
- 3.2 Penyewa tidak dibenarkan menutup kafetaria tanpa mendapat kebenaran daripada pihak Jabatan.

4.0 TANGGUNGJAWAB PENYEWA

- 4.1 Penyewa perlu memasang meter berasingan bagi elektrik dan air daripada premis utama iaitu Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Keroh, Melaka.
- 4.2 Penyewa Kafetaria bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga dan mengadakan alatan memasak, kerusi dan meja makan, bekalan gas dan lain-lain peralatan.
- 4.3 Penyewa adalah bertanggungjawab sepenuhnya di atas kebersihan ruang Kafetaria termasuk kemudahan dapur yang digunakan dan kawasan sekeliling seperti berikut:
- i. Semua sisa makanan hendaklah dilupuskan dengan menggunakan karung/bungkusan plastik;
 - ii. Ruang makan dan kawasan dapur hendaklah sentiasa bersih;
 - iii. Memastikan meja makan dialas;
 - iv. Mengadakan, memasang dan menyelenggara 'grease trap';
 - v. Membuat semburan bagi 'pest control' yang bertujuan mencegah lipas, lalat, tikus secara berkala atau sekurang-kurangnya 3 kali setahun; dan
 - vi. Mengadakan pembersihan secara 'Spring Cleaning' 1 kali dalam sebulan bagi memastikan kebersihan terjaga dan barangan disusun atur dengan keadaan baik.
- 4.4 Penyewa adalah dikehendaki menggunakan ruang dapur yang disediakan sahaja untuk membuat dan menyediakan makanan dimana pembinaan ruang dapur tambahan di luar atau di dalam bangunan Kafetaria adalah tidak dibenarkan.

5.0 PENGENDALIAN MAKANAN

- 5.1 Penyewa bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengambilan pekerja-pekerja dan hanya pekerja Warganegara Malaysia yang beragama Islam sahaja dibenarkan bekerja di Kafetaria.

- 5.2 Penyewa hendaklah memastikan pekerja-pekerja lelaki dan perempuan sentiasa menjaga kebersihan diri, berada dalam keadaan yang kemas, menutup kepala atau bertopi, bersih, bertatertib dan tidak berambut panjang (bagi pekerja lelaki), berpakaian seragam dan dalam keadaan yang sihat dan tidak menghidap sebarang jenis penyakit berjangkit.
- 5.3 Penyewa hendaklah memastikan pekerja-pekerja menjalani pemeriksaan Kesihatan oleh Pegawai Perubatan / Kesihatan Kerajaan dan mendapat suntikan pelalian typhoid sekurang-kurangnya setahun sekali.

6.0 MAKANAN DAN MINUMAN

- 6.1 Penyewa hanya dibenarkan menyediakan, menyimpan atau menjual makanan dan minuman yang HALAL dimakan atau diminum mengikut hukum Islam.
- 6.2 Senarai makanan dan minuman yang hendak dijual hendaklah dinyatakan sepenuhnya dalam Lampiran C. Kadar harga adalah tidak boleh diubah sepanjang tempoh perjanjian sewaan berkuatkuasa kecuali terdapat menu yang baru dan perlu dimaklumkan kepada Jabatan ini.
- 6.3 Penyewa hendaklah mempamerkan menu dan harga makanan seperti mana dalam tawaran sebut harga di tempat yang mudah dilihat oleh pelanggan pada setiap masa perniagaan.